

CNS7162

U GR 22-05 00162 BH740

bah

Mahathir - Kem

KUCHING, 22 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mendirikan kem membina semangat di seluruh negara dalam usaha untuk melahirkan generasi yang serba boleh, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kerajaan akan menyediakan peruntukan kewangan untuk membuka kem-kem itu, yang dapat membina semangat kental dan menanamkan nilai-nilai mulia di kalangan peserta bagi mereka menghadapi cabaran masa depan dengan lebih berani.

+Saya percaya latihan semangat, nilai-nilai hidup yang baik dan pengujjuran manusia yang mulia adalah penting untuk membangunkan negara, + katanya ketika merasmikan kem bina semangat, +Kem Permai+, di Pantai Damai kira-kira 30 km dari sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata generasi muda bukan saja perlu diberi pengetahuan dan kemahiran untuk mentadhir tetapi juga jiwa mereka hendaklah ditanam dengan nilai-nilai murni.

Pengetahuan saja tidak memadai bagi seseorang untuk mentadhir herbagai-bagai urusan dengan berkesan sekiranya mereka tidak amanah dalam menunaikan tanggungjawab yang diberikan, katanya. -- Lagi

♥22/05/20-13MST

CNS7163

U GR 22-05 00156 BH741

bah

Mahathir - Kem 2 Kuching

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata rakyat perlu dididik untuk bersikap berani dan bijaksana bagi menghadapi setiap rintangan dalam hidup mereka.

+Berani bukan bermakna seseorang itu perlu mendedahkan diri kepada bahaya tetapi mereka hendaklah bersedia melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan bagi menghadapinya, + kata beliau.

Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam ucapannya berkata pengujjuran kem itu adalah sebagai satu lambang kejayaan rakyat Sarawak dalam mencapai kemajuan.

+Malang sekali jika setelah kemajuan dicapai, rakyat negeri ini terutama generasi muda, semakin lemah kerana leka menikmati hasil kemakmuran yang mereka capai, + katanya.

Kem yang terletak di kawasan seluas 18 hektar di kawasan antara pantai dan hutan di kaki Gunung Santuhong, dimajukan oleh Perhadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak.

Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan di kem berkenaan ialah ekspedisi berkayak, kursus memintal talj, latihan jasmani, membaca peta dan merempuh halangan. -- Bernama

♥22/05/20-13MST